

1980

KUALA LUMPUR, 9 APRIL (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM INSTITUSI-INSTITUSI DAN PARA PROFESIONAL BRITISH YANG MENURUTNYA BUKAN SAHAJA MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI PAKAR MENETAPKAN TARAF AKADEMIK TETAPI JUGA HAKIM BAGI TINDAK-TANDUK POLITIK.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, +TANPA MENGETAHUI APA-APA TENTANG SUASANA YANG WUJUD DI NEGARA INI, MEREKA MEMBAYANGKAN BAHAWA MEREKA TIDAK AKAN MENGIKTIRAF KELAYAKAN-KELAYAKAN MELAINKAN JIKA SUASANA POLITIK SESEBUAH NEGARA SECUCUK DENGAN KEHENDAK PERIBADI MEREKA+.

+GOLONGAN INI TIDAK SEDAR BAHAWA MEREKA TIDAK PUN DIMINTA MENGIKTIRAF KELAYAKAN-KELAYAKAN TERSEBUT+.

+MEREKA MENGANGGAP BAHAWA RAKYAT BEKAS TANAH JAJAHAN MEREKA DAN INSTITUSI-INSTITUSI YANG MEREKA JALANKAN AKAN MEMINTA PENGAKTIRAFAN DAN MEMANDANGKAN DEMIKIAN MEREKA SEHARUSNYA MENGAWASI TINGKAH LAKU+.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN MESYUARAT KELIMA MAJLIS JURUTERA KOMERSEWEL BAGI RANTAU ASIA TENGGARA DI SINI. MESYUARAT ITU DITAJA OLEH INSTITUT JURUTERA MALAYSIA. --BERSAMBUNG 1447/BY

B520

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

200

MENGENANG KEMBALI SEJARAH NEGARA SEMASA PENJAJAHAN DULU, BELIAU BERKATA SEBELUM MERDEKA, MALAYSIA MENGHADAPI BANYAK SEKATAN DALAM BIDANG PENDIDIKAN PROFESIONAL.

+SEDIKIT SANGAT ORANG TEMPATAN DILATIH SEBAGAI JURUTERA KERANA PENTADBIRAN TANAH JAJAHAN BRITISH MAHUKAN JAWATAN-JAWATAN LUMAYAN SERTA TARAF SEBAGAI JURUTERA KERAJAAN DIKHAJIKAN KEPADA BANGSA MEREKA SAHAJA+, KATANYA.

SEPERTI JUGA DALAM PROFESION PERUBATAN, OLEH KERANA BERBANGSA ASIA, PARA JURUTERA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN PENUH HANYA DILANTIK UNTUK JAWATAN-JAWATAN RENDAH KALAU DIBANDINGKAN DENGAN JURUTERA BRITISH DENGAN KELAYAKANNYA YANG MERAGUKAN, KATANYA.

+PIHAK BRITISH MENGEKALKAN MONOPOLI MEREKA DENGAN MENSYARATKAN BAHAWA HANYA KELAYAKAN BRITISH SAHAJA DIKTIRAF JIKA SESEORANG ITU MAHU BERKHIDMAT.

+INI MENIMBULKAN GAMBARAN KONONNYA TARAF BRITISH ADALAH LEBIH TINGGI DARI NEGARA-NEGARA LAIN DAN KELAYAKAN DARI NEGARA-NEGARA LAIN TIDAK DAPAT DITERIMA+, KATANYA. --BERSAMBUNG 1452/BY

B521

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

+BEGITULAH KESAN PSIKOLOGI DARI STRATEGI PENJAJAH INI SEHINGGA-KAN SAMPAI HARI INI INSTITUSI-INSTITUSI BRITISH SENDIRI MERASAKAN MEREKA LEBIH TINGGI DAN BAHAWA TIDAK SEORANG PUN BOLEH MENSIFATKAN DIRINYA BENAR-BENAR LAYAK SECARA PROFESIONAL SEBELUM PIHAK INSTITUSI BRITISH MEMUTUSKAN UNTUK MENGIKTIRAF KELAYAKANNYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEJAK AKHIR-AKHIR INI, INSTITUSI-INSTITUSI DAN PARA PROFESIONAL BRITISH BUKAN SAHAJA MAHU MENELITI TARAF AKADEMIK TETAPI JUGA MENGANGGAP DIRI MEREKA SEBAGAI HAKIM BAGI TINDAK-TANDUK POLITIK.

TAMBAHAN PULA, PARA PROFESIONAL BRITISH YANG BERSIKAP +AKULAH YANG GAGAH DAN TINGGI+ AGAK BUTA TERHADAP PERKAUMAN YANG BERLAKU DI NEGARA MEREKA SENDIRI, TAMBAHNYA.

+SEKATAN TERHADAP PARA PELAJAR LUAR NEGERI DI BRITAIN BARU-BARU INI IALAH SATU CONTOH PRASANGKA PERKAUMAN TERHADAP ORANG BUKAN KETURUNAN EROPAH+, KATANYA. --BERSAMBUNG 1455/BY

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+DENGAN MENYEDARI BAHAWA RAKYAT MALAYSIA DAN RAKYAT ASIA YANG LAIN PERGI KE BRITAIN UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN, SATU DASAR SENGAJA DIAMALKAN UNTUK MENYEKAT KEDATANGAN MEREKA. SEBALIKNYA RAKYAT KETURUNAN EROPAH DIKECUALIKAN+.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK MENYOAL HAK MANA-MANA KERAJAAN UNTUK MEMUTUSKAN SEBARANG DASAR TETAPI PARA PROFESIONAL BRITISH HARUS NAMPAK SIKAP PERKAUMAN PADA DIRI MEREKA SENDIRI SEBELUM DAPAT MENGECAM PERKAUMAN DI NEGARA-NEGARA LAIN.

+ DAN JANGANLAH PULA MEMBUAT ULASAN BURK TERHADAP TARAF DAN ORANG-ORANG PERSEORANGAN JIKA HANYA ANDA TIDAK SUKAKAN POLITIKNYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK BERHASRAT MEMPENGARUHI PARA JURUTERA TEMPATAN SUPAYA MEMILIH SIAPA RAKAN MEREKA KERANA MALAYSIA KINI NEGARA YANG MERDEKA.

+KITA TIDAK INGINKAN NASIHAT PERCUMA TERUTAMA DARI MEREKA YANG MENIMBULKAN MASALAH YANG KITA HADAPI SEKARANG DENGAN MEMBEZA-BEZAKAN BANGSA DAN MENYEKAT PELUANG PELAJARAN+. --BERSAMBUNG 149/BY

B523

MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA NEGARA INI SEDANG PESAT MEMBANGUN, BELIAU BERKATA CARA MENGATASI KEKURANGAN JURUTERA IALAH DENGAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA KEUPAYAAN SETIAP JURUTERA YANG ADA.

HAL INI BOLEHLAH DIKHTIARKAN OLEH PARA JURUTERA-SESAMA SENDIRI, KATANYA.

DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA DAN KETIGA, SESEORANG JURUTERA ITU SECARA PURATA TERPAKSA MENGENDALIKAN EMPAT KALI GANDA KERJA DAN PERUNTUKAN DARI APA YANG PERNAH DIPIKULNYA SEBELUM INI, KATA BELIAU.

BELIAU JUGA MENASIHATKAN KALANGAN JURUTERA TEMPATAN SUPAYA BERDAYA CIPTA SERTA MEMBAWA PERUBAHAN DAN JANGAN SEMATA-MATA MENGUBAHSUAIKAN CIPTAAN RAKAN-RAKAN SEJAWAT MEREKA DI LUAR NEGERI DENGAN KEADAAN SETEMPAT. --BERNAMA 1502/BY